

24/06/2001

Taatilah Presiden (HL)

KUALA LUMPUR: Perhimpunan Agung Umno 2001 berakhir semalam dengan kira-kira 3,000 perwakilan dan pemerhati di Dewan Merdeka PWTC di sini, bangun berikrar untuk mematuhi sebarang keputusan pucuk pimpinan parti bagi memastikan kemenangan pada pilihan raya umum 2004.

Reaksi itu berlaku selepas kira-kira 20 minit Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memulakan ucapan penggulungannya, dengan menegaskan, Umno adalah obor kepada perjuangan orang Islam dan Melayu.

Untuk itu, Presiden Umno menegaskan, ahli parti mesti sanggup membuat segala-galanya untuk menjayakan bangsa dengan mengenal pasti masalah, sebab kegagalan, kelemahan dan seterusnya membuat satu resolusi untuk dilaksanakan oleh setiap orang.

"Kalau nak tentukan parti menang, jangan sayang kepada Presiden saja tetapi juga taat kepada Presiden. Presiden tidak ada kepentingan lain melainkan menjamin kemenangan.

"Orang yang saya pilih tidak bagi satu sen pun kepada saya. Apabila pilih calon, saya minta kita berikrar jangan soal lagi sama ada sesuai atau tidak," katanya disambut tepukan gemuruh perwakilan.

Melihat tepukan itu, Dr Mahathir bertanyakan sama ada tepukan itu ikhlas atau sebaliknya. "Kalau betul, semua bangun," katanya, diikuti semua perwakilan dan pemerhati bangun.

"Alhamdulillah, segala puji bagi Allah. Kalau ada semangat seperti ini tahun 2004, kita dapat sapu bersih dan kita tawan semula Terengganu dan Kelantan," tegas Dr Mahathir.

Presiden Umno yang kesal kerana perwakilan agak gagal menyelami ucapan dasarnya bertajuk 'Melayu Mudah Lupa' berkata, orang Melayu berpotensi untuk terus maju serta menempa nama di dunia.

Katanya, berada di barisan depan dalam perjuangan Melayu adalah Umno, bukannya Pas.

"Pas adalah pengkhianat dan penipu orang Melayu. Kita adalah contoh. Kita nak tunjuk kepada orang Melayu apa yang mereka boleh buat.

"Kalau kita betul-betul berdisiplin dan sanggup berusaha dengan cukup tekun kita akan capai kejayaan untuk bangsa kita," katanya yang mengakhiri ucapan 95 minit itu dengan sebak seketika apabila membacakan bait terakhir sajak bertajuk 'Melayu mudah lupa'.

Dr Mahathir berkata, bagi memastikan bangsa Melayu mencapai kejayaan, ahli Umno perlu menjadi contoh terbaik dengan mempunyai disiplin tinggi serta mematuhi segala arahan Presiden parti.

"Saya nak minta berdisiplinlah kita. Tanpa disiplin dan patuh arahan Presiden kita tidak boleh menang. Saya tidak penting. Yang penting ialah Presiden. Satu hari, Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) akan menjadi Presiden.

"Kalaupun arahan itu tak kena tetapi kalau kita semua buat bersama insya-Allah kita akan capai kejayaan," katanya.

Sambil memberikan contoh kejayaan Petronas beroperasi di 25 negara sebagai bukti kemampuan bangsa Melayu, Perdana Menteri berkata, orang Melayu perlu bekerja keras dan menguasai teknologi maklumat (IT).

Beliau yakin orang Melayu boleh mencapai kejayaan dalam apa juga bidang sekiranya berdisiplin dan sanggup berusaha dengan tekun tanpa mudah jemu.

"Jatuh bangun untuk mencapai kejayaan untuk bangsa kita. Pencapaian orang Melayu bermakna pencapaian Islam. Jadi ada dua sebab kita perlu berusaha jauh lebih kuat daripada bangsa lain kerana kita berjuang untuk

bangsa dan agama," katanya.

Beliau berkata, resolusi mengenai apakah yang perlu dilaksanakan untuk kejayaan agama, bangsa dan negara perlu dibuat selepas mengenal pasti kelemahan.

"Kita buat resolusi untuk diri kita. Apakah yang perlu kita buat. Banyak yang boleh kita buat. Kita harus akui kita tidak bekerja begitu kuat. Tidak ada jalan mudah untuk dapat sesuatu.

"Jatuh kita bangun, jatuh kita bangun. Insya-Allah satu hari nanti kita akan berdiri sama tinggi di kalangan bangsa lain," katanya.